



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/03/16 (HQ)

SAMBUTAN HANGAT TNB-MEDIA TREASURE HUNT 2017

Acara mencari harta karun anjuran Tenaga Nasional, TNB-Media Treasure Hunt 2017 berlangsung meriah dengan hampir 100 wartawan dari 15 institusi media mengambil bahagian.

Peserta, dalam 25 pasukan, dilepaskan oleh Pengurus Besar Kanan (Hal Ehwal Korporat) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin bersama Pengurus Besar (Perhubungan Awam & Dalaman) TNB, Datuk Omar Sidek dari Kompleks Sukan TNB di Ibu Pejabat TNB di sini hari ini.

"Sambutan amat memberangsangkan dengan penyertaan rakan-rakan media dari TV3, RTM, H Metro, Bernama, NST, The Star, Astro Awani, China Press, Komo, Malaysian Gazette, Sinar Harian, Bernama TV dan Bernama Radio."

Mereka perlu melalui perjalanan lebih 250 km ke Bandar Melaka untuk mendapatkan jawapan yang berkaitan operasi, inisiatif, tanggung jawab sosial, pengamalan budaya sihat dan lain-lain berkaitan TNB.

"Di samping mengukuhkan jaringan kerjasama dan persahabatan sedia ada, acara ini turut mendekatkan peserta dengan Syarikat.

"Peserta juga berpeluang beramal ketika singgah di dua buah rumah kebajikan di Melaka," kata Ir. Mohd Aminuddin.

Melaka dipilih sebagai destinasi akhir TNB-Media Treasure Hunt 2017 kerana TNB melaksanakan beberapa inisiatif dan projek yang membawa impak besar di negeri itu, selain daya tarikan sejarahnya yang tersendiri.

Kali pertama acara ini diadakan adalah pada tahun 2015 dengan laluan dari Ibu Pejabat TNB di sini ke Port Dickson.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 7:00 pagi, 11 Mac 2017

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /
Norfadzilah Sha'ary (019-3369681) / Puti Mazlina Mashudi (013-3642727) /
Mohd Syafiq Khairul Salleh (013-3432346)
media@tnb.com.my*